

NO. SURAT BERANAK

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

JABATAN PELAJARAN NEGERI SEMBILAN

CANANG 2

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

Jun

50 minit

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

Soalan 1 – 20

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Mak Ngah mengisi sarung bantal dengan _____.
A bebenang
B kekabu
C dedaun

2. “Anak _____ akan berguru di Bukit Siguntang.” kata Hang Nadim kepada bendahara.
A beta
B patik
C hamba
D tuanku

- 3 Sudah tiga bulan kereta buruk milik Hassan _____ di tepi jalan raya itu.
A tersangkut
B terdampar
C terkandas
D tersadai

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.




- 4 Burung helang itu _____ seekor tikus di sebuah kebun.
- A mematuk
 - B mencakar
 - C menerkam
 - D menyambar
5. Murid-murid tidak digalakkan _____ di pusat beli-belah kerana perbuatan ini membuang masa.
- A leser
 - B meleser
 - C berpeleseran
 - D memperleser
- 6 Adik tidak _____ ubat yang pahit macam _____ .
- A termakan ... pil
 - B tertelan ... hempedu
 - C terminum ... peria
 - D terkesip ... kapsul

- 7 Beberapa orang pemuda yang tidak bertanggungjawab sedang membuang sampah sarap _____ dalam sungai.
- A di
 - B ke
 - C pada
 - D kepada
- 8 Mesyuarat itu diadakan _____ kalangan penduduk Taman Ampangan sahaja.
- A di
 - B pada
 - C dalam
 - D kepada
- 9 Aiman hanya berdiam diri _____ disoal berkali-kali oleh gurunya.
- A lantaran
 - B meskipun
 - C sekalipun
 - D sungguhpun
- 10 Encik Lim telah memungut sepuluh _____ telur dari reban ayam.
- A butir
 - B buah
 - C buku
- 11 _____ , mengapalah nasibku malang sekali!
- A Aduhai
 - B Aduh
 - C Cis
 - D Eh

- 12 Kakak sedang _____ perabot di ruang tamu supaya kelihatan menarik.
- A membanding beza
 - B mengawal selia
 - C mengambil alih
 - D menyusun atur

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



- 13 Keadaan jalan raya yang _____ itu menyebabkan pengguna berhati-hati ketika melaluinya.
- A bengkok-bengkok
 - B bersimpang-siur
 - C berlekak-lekuk
 - D berbolak-balik
- 14 Lidah Balqis berasa _____ setelah makan nanas muda.
- A lecur
 - B kebas
 - C pedas
 - D lidas

- 15 Shalin Zulkifli pernah dipilih sebagai _____ negara atas kejayaan beliau dalam sukan boling.
- A seniwati
 - B peragawati
 - C peniagaawati
 - D olahragawati
- 16 Sejak semalam Qistina diserang cirit-birit. _____, dia tidak hadir ke sekolah.
- A Selain itu
 - B Bahkan juga
 - C Oleh sebab itu
 - D Tambahan pula

Soalan 17 berdasarkan gambar di bawah.



- 17 Nenek sedang _____ cabai sambil bersila.
- A menggiling
 - B menumbuk
 - C menggesel
 - D menekan

- 18 Puan Rosni tidak sedar _____ dia tertinggal barang yang berharga di kedai itu.
- A kerana
 - B apabila
 - C bahawa
 - D sewaktu
- 19 Walaupun sudah tua, Pak Abu tetap menarik beca kerana itu sahajalah _____ dia sekeluarga.
- A mata pencarian
 - B mata telinga
 - C mata duitan
 - D mata hati
- 20 Kudratnya semakin lemah ketika menginjak ke usia tua.
- Pilih **perkataan seerti** bagi kudrat.
- A jiwa
 - B tenaga
 - C badan
 - D tubuh
- 21 Abdullah berhati luhur dan berbudi bahasa.
- Pilih **perkataan berlawanan** bagi luhur.
- A hina
 - B kedekut
 - C sombong

Soalan 22 - 23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 22 I Alysa raih beg sekolah ke dalam almari.
II Qaisara meraihkan kejayaan dengan kawan-kawannya.
III Zaid meraih hadiah pertama dalam pertandingan bahas.
IV Peraih itu membeli beberapa bakul durian daripada Pak Leman.
- A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV
- 23 I Encik Jeremy menamakan tiga orang anaknya sebagai penama bagi mewarisi harta pusaka.
II Vishwar bukan sahaja pandai tetapi merupakan anak orang bernama.
III Tarikh penamaan calon bagi pilihan raya kecil di kawasan itu akan diumumkan pada minggu hadapan.
IV Profesor Emeritus Nik Safiah Karim merupakan tokoh ternama dalam bidang bahasa.
- A I dan II
B I, II dan III
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 24 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*
- Wajah Haifa pucat apabila dikejar oleh anjing.
- A Siapakah yang mengejar Haifa?
B Bilakah anjing mengejar Haifa?
C Mengapakah anjing itu mengejar Haifa?
D Bagaimanakah keadaan Haifa apabila dikejar anjing?

25 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.*

Apakah yang menyebabkan kamu tersinggung?

- A Entah, saya pun kurang pasti.
- B Ya, saya telah tersinggung semalam.
- C Dia menuduh saya tanpa usul periksa.
- D Dia telah menyebabkan saya tersinggung.

Soalan 26 - 27

Piliha ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

26 Berbekalkan segulung ijazah, dia berusaha untuk mencari pekerjaan yang baik.

- A Dia mencari kerja kerana ingin mendapatkan segulung ijazah.
- B Segulung ijazah yang dimilikinya digunakan untuk mencapai impian.
- C Dia berusaha mencari pekerjaan yang baik berbekalkan segulung ijazah.
- D Dia mencari pekerja yang baik dan mempunyai segulung ijazah.

27 Ruzain sangat terpegun melihat hasil kraf tangan orang asli itu.

- A "Aduh, kraf tangan ini sungguh asli!" kata Ruzain.
- B "Eh, keaslian kraf tangan ini sukar dihasilkan!" kata Ruzain.
- C "Wah, kraf tangan orang asli ini amat hebat!" kata Ruzain
- D "Aduhai, kraf tangan orang asli ini amat hebat!" kata Ruzain.

Soalan 28 - 30

Pilih ayat yang betul.

- 28 A Masakan ibu Isyraq paling sedap sekali.
 B Amin murid yang terpandai sekali di dalam kelas.
 C Rambut Fatin Usna lebat dan teramat panjang sangat.
 D Fairuz kagum melihat bangunan KLCC yang tinggi sekali di Asia Tenggara.
- 29 I Air itu diambil dari telaga.
 II Laporan mesyuarat itu telah diserahkan kepada guru besar.
 III Kebakaran di rumah itu berpunca daripada sepuntung lilin.
 IV Di waktu senja, jalan menuju ke kampung itu masih sibuk.
- A I dan II
 B II dan IV
 C I dan III
 D III dan IV
- 30 I Joshua dan Ramin memanjat pokok rambutan.
 II Adik menangis bila anak patungnya hilang.
 III Kasut yang berjenama itu diperbuat daripada kulit.
 IV Kakak telah membeli enam biji sudu kristal di Nilai 3.
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D II dan IV

Soalan 30 - 35

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Negara kita sudah merdeka,
Hidup sejahtera rakyat jelata,
Kepada warga teruskan usaha,
Makmur Malaysia tanggungjawab kita.

Negara kita terkenal sudah,
Di mata dunia namanya gah,
Usahlah kita berpecah belah,
Kelak nanti buruklah padah.

Wahai rakyat tua dan muda,
Jauhkan sengketa, lalai dan leka,
Manfaatkan pelbagai sumber yang ada,
Kuasai teknologi kembangkan minda.

Budi bahasa jangalah jelik.
Janganlah sampai berakal pendek,
Kemajuan dikejar budaya dikelek,
Itulah prinsip kehidupan terbaik.

Ingatlah pesan tokoh berjasa,
Daulatkan Malaysia sepanjang usia,
Generasi muda harapan nusa,
Haruslah teguh jati dirinya.

Negara kita negara merdeka,
Menjadi kebanggaan seluruh warga,
Bekerjasama bersatu tenaga,
1 Malaysia menjadi nyata.

31 Apakah bentuk puisi tersebut?

- A Pantun
- B Seloka
- C Sajak
- D Syair

- 32 Bagaimanakah kita dapat menguasai bidang sains dan teknologi?
- A Manfaatkan segala sumber yang ada.
 - B Sentiasa berusaha mengukuhkan nama negara.
 - C Bekerjasama memajukan Malaysia.
 - D Meneguhkan jati diri generasi muda.
- 33 Maksud rangkai kata berakal pendek _____
- A membuat sesuatu kerja secara sambalewa.
 - B merubah fikiran atau pendapat.
 - C suka menghasut dan mengadu.
 - D tidak berfikiran matang.
- 34 Prinsip kehidupan yang terbaik ialah _____
- A sentiasa menjaga kedaulatan bangsa dan negara.
 - B mengejar kemajuan tanpa melupakan budaya.
 - C bekerjasama mengekalkan kemerdekaan negara,
 - D sentiasa meneguhkan jati diri generasi muda.
- 35 Pada pendapat anda, apakah akibat kepada negara jika rakyat berpecah-belah?
- A Keamanan dan kemajuan negara akan terjejas.
 - B Nama negara tidak akan menjadi terkenal.
 - C Rakyat jelata akan menjadi lalai dan leka.
 - D Generasi muda tidak hormat akan tokoh berjasa.

Soalan 36 - 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Emak,

Acik lapar. Sudah dua bulan Acik tidak minum susu. Ke mana emak pergi? Along, Angah dan Acik rindu akan emak. Sejak emak pergi, hidup kami tidak menentu. Sudahlah ayah meninggal dunia, kini emak pula tiada.

Mengapa emak tinggalkan kami sendirian? Emak merajuk dengan kami? Salah Along. Along buli Angah hingga mengganggu emak yang baru lena. Maklumlah, emak mengantuk sebab semalaman bersengkang mata menjaga Acik yang merengek-rengok akibat demam. Emak juga kepenatan mencari makanan untuk kami.

Maafkan Along! Along berjanji, Along tidak akan bergaduh dengan Angah lagi. Along sangat sayang akan Angah dan Acik. Mereka sahajalah darah daging Along di dunia ini. Sebagai abang yang sulung, Along mesti bertanggungjawab terhadap mereka. Along akan menjaga mereka dengan sempurna. Along masih ingat lagi pesanan emak supaya menjaga adik-adik jika emak tiada.

Pulanglah, emak! Sudah puas Along mencari namun tidak berjumpa. Ada juga Along bertanya kepada jiran yang lain. Tapi kata mereka, **kelibat** emak pun mereka tidak nampak. Kasihanilah kami, terutamanya Acik. Badannya semakin lesu. Acik perlukan susu untuk membesar. Kami perlukan kasih sayang dan belaian manja seorang ibu.

Titisan hujan semakin mencurah. Kami cuba menumpang teduh di rumah Mak Cik Bedah tapi dia tiada. Rupa-rupanya, kehadiran kami tidak disenangi. Anak angkat Mak Cik Bedah menengking kami. Acik ketakutan. Kami lari dan berteduh di bawah sebatang pohon yang rendah.

Kami diberitahu emak masih hidup. Kami bersyukur. Kami lihat tempat tinggal emak selesa. Rumah emak cantik. Emak makan makanan yang lazat. Along perasan tubuh emak semakin berisi. Wah, emak bunting! Nampaknya Along akan dapat adik lagi. Rupa-rupanya emak sudah bertemu jodoh dengan kucing Parsi tuan rumah itu.

“Miau...! Miau...! Acik nak emak,” regek Acik sayu. Kasihan Acik. Acik tidak dapat minum susu dan rasa kehangatan tubuh emak lagi. Susu emak hanya untuk adik yang baharu. Akhirnya, kami beredar dari pintu pagar itu. Along, Angah dan Acik akan membesar tanpa belaian kasih seorang ibu. Selamat tinggal, emak...

- 36 Apakah pesanan emak kepada Along?
- A Berbaik-baik dengan jiran
 - B Mencari emak hingga berjumpa
 - C Berteduh di rumah Mak Cik Bedah
 - D Mengambil berat terhadap adik-adik
- 37 Berapa lamakah emak meninggalkan Along dan adik-adiknya?
- A 60 jam
 - B 60 hari
 - C 60 minggu
 - D 60 bulan
- 38 Perkataan **kelibat** dalam petikan bermaksud
- A rupa seseorang.
 - B bayang-bayang.
 - C orang-orang.
 - D model.
- 39 Siapakah Acik dalam cerita di atas?
- A Abang yang sulung
 - B Adik yang tengah
 - C Adik yang bongsu
 - D Kakak yang tua

- 40 Mengapakah susu ibu baik untuk tubuh badan?
- A Menjamin tubuh badan yang sihat.
 - B Baik untuk kecantikan wajah.
 - C Mengelakkan jangkitan kuman.
 - D Memastikan kulit licin dan berseri.

KERTAS SOALAN TAMAT